

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MALAM AMAL TAHUNAN 1983 PERSATUAN PEMULIHAN ORANG-ORANG
CACAT SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Lokasi : DEWAN NIRWANA, HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR (KL)
Tarikh : 30-11-1983

Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor; Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Selangor; Ampun Tuanku, beribu-ribu ampun, Sembah patik, harap diampun Bagi pihak Jawatankuasa Malam Amal, ahli-ahli Persatuan Pemulihan Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan dan patik sendiri, patik menjunjung kasih atas limpah perkenan ke bawah DYMM Tuanku Sultan Selangor menjadi Penaung Malam Amal ini dan berkenan pula berangkat ke majlis bersama dengan DYMM Tengku Ampuan. Keberangkatan Tuanku berdua akan menyerikan majlis ini dan juga menggalakkan ahli-ahli persatuan dalam usaha mereka berkhidmat untuk golongan yang cacat dan menggalakkan juga semua yang hadir pada malam ini untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.

2. Patik berasa amat bangga menyatakan, bahawa kesemua yang hadir malam ini adalah para dermawan yang budiman dan rakan-rakan persatuan yang memberi sumbangan berupa wang, tenaga dan hadiah-hadiah untuk berbakti kepada orang-orang cacat.

3. Oleh yang demikian, patik mohon izin untuk berucap kepada para hadirin.

Ampun Tuanku.

Y.A.B. Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri;

Y.B. Menteri-Menteri;

Y.A.B. Dato Hj. Ahmad Razali, Menteri Besar Selangor dan Datin;

Tetamu-tetamu yang dihormati;

Para dermawan, tuan-tuan dan puan-puan yang budiman.

4. Kita sudah sampai ke penghujung tahun 1983. Mengelolakan Malam Amal pada hampir hujung tahun seperti ini adalah suatu risiko, kerana pada ketika ini, syarikat-syarikat dan firma-firma dan juga para dermawan secara individu, mungkin sudah bosan dengan rayuan amal dan juga mungkin telah kehabisan peruntukan amal atau ada baki yang cuma sedikit sahaja. Dalam hal ini, Persatuan Pemulihan Orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan tidak mahu bersaing dengan persatuan-persatuan yang lain. Sebahagian daripada persatuan-persatuan ini benar-benar memerlukan bantuan untuk melaksanakan aktiviti mereka. Oleh itu PPOC berpendapat Bulan Amal bagi Persatuan ini tidaklah perlu diubah kepada awal tahun.

5. Saya percaya, selagi kita semua bersyukur atas limpah rahmat yang telah kita nikmati, insaf dan

bersimpati dengan golongan yang kurang bernasib baik, maka selagi itulah kita akan bermurah hati dan ingin membuat amal bakti. Maka tarikh dan masa mengadakan Malam Amal tidak menjadi penting. Malam yang bahagia ini, telah menjadi bukti yang nyata. Sambutan tuan-tuan dan puan-puan sekalian sungguh-sungguh mengharukan perasaan ahli-ahli persatuan dan saya sendiri.

6. Bagi pihak Persatuan, saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kesudian tuan-tuan dan puan-puan melapangkan masa untuk hadir pada malam ini. Setakat hari ini, kutipan Malam Amal telah pun berjumlah \$533,076.00. Terima kasih kepada para dermawan.

7. Tujuan Malam Amal Tahun 1983 berubah sedikit daripada masa yang lalu, namun tujuan utamanya tidak berubah. Sebanyak 90% daripada hasil kutipan bersih akan diperuntukkan kepada Tabung Projek Mini-Kilang bagi orang cacat, dan 10% lagi akan dimasukkan ke dalam Tabung Kebajikan Persatuan sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja pada bulan Ogos 1983. Adalah difikirkan bahawa Persatuan ini perlu juga membantu individu yang cacat atau institusi-institusi kebajikan orang cacat yang benar-benar memerlukan bantuan. Untuk memulakan Tabung Kebajikan ini, Syarikat Philips Malaysia Sdn. Bhd. telah bermurah hati menderma \$10,000. Derma ini disampaikan sendiri oleh Puan Dekker, isteri kepada Presiden Syarikat Philips, sempena lawatan mereka ke Kuala Lumpur dari Holland. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Syarikat Philips atas sumbangannya sebagai melancarkan Tabung Kebajikan Persatuan ini. Tambahan kepada Tabung Kebajikan ini akan didapati dari 10% hasil kutipan bersih Malam Amal dan Projek-Projek Amal setiap tahun.

8. Mengenai projek persatuan bagi membina mini-kilang sebagai usaha bersama dengan Syarikat Matsushita (MAICO) kemajuan telah pun sampai ke peringkat menandatangani perjanjian. Kedua pihak, iaitu PPOC dan Matsushita (MAICO), telah menandatangani perjanjian usaha bersama pada pagi tadi. Adalah diharapkan persetujuan ini akan membawa kepada kadar kemajuan yang licin dan tetap. Anggaran perbelanjaan bagi membina kilang ini ialah \$5,060,000 (lima juta enam puluh ribu ringgit).

9. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih banyak kepada para dermawan dan juga kepada pihak-pihak yang berikut ini khasnya: 1. T.D.M. Bhd - Penaja utama Malam Amal kerana membiayai jamuan ini.

2. Genting Group of Companies - penderma yang tertinggi sekali.

3. MAS - kerana memberi tiket-tiket percuma sebagai hadiah dan untuk pragawati (model) balik ke Singapura.

4. Link Boutique - membiayai bayaran profesional bagi pragawati dan pasukan senireka tari (choreography team) dari Singapura.

5. Michael Choi Sdn. Bhd. - memberi khidmat percuma sebagai pereka fesyen rambut (hair stylist) untuk pragawati.

6. Tung Pao Sdn. Bhd. - memberi cenderamata Shiseido untuk tetamu dan membiayai perbelanjaan makan minum bagi pragawati.

7. The Hour Glass - menyumbangkan hadiah-hadiah yang mahal dan menarik untuk cabutan 'Lucky Draws' malam ini.

10. Persatuan ini juga, merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang menyelesaikan perkara tapak tanah Projek PPOC ini untuk membolehkan urusan pembinaan dijalankan. Beberapa Kementerian telah juga menyokong dan membantu usaha PPOC dengan khidmat nasihat mereka mengenai beberapa perkara berkaitan dengan usaha bersama. Begitu juga kepada individu-individu yang menjadi penasihat, dalam rundingan-rundingan dengan MAICO.

Tuan-tuan, puan-puan, para tetamu yang saya hormati,

11. Malam ini tuan-tuan dan puan-puan akan dihiburkan dengan persembahan dari orang-orang cacat dan diikuti dengan pertunjukan fesyen. Kejayaan malam ini adalah hasil usaha gigih dan tanggungjawab penuh Jawatankuasa Malam Amal PPOC yang diketuai oleh Puan Siew Lay Tan. Kepada Puan Tan dan rakan-rakannya dalam Jawatankuasa, saya ucapkan syabas dan berbanyak terima kasih. Begitu juga kepada Puan Constance Haslam yang menyumbangkan tenaga beliau sebagai juruacara majlis malam ini.

12. Saya berharap para hadirin akan terhibur dengan persembahan-persembahan disamping menikmati jamuan yang dihidangkan.

Ampun Tuanku.

Patik akhiri ucapan ini dengan sekali lagi menjunjung kasih atas limpah perkenan Tuanku berdua mencemar duli ke majlis Malam Amal patik sekalian ini.

Ampun Tuanku.